

**UNSUR SEJARAH SEBAGAI SATU STRATEGI
NARATIF DALAM *SYAIR PERANG MENTENG*
DAN *SYAIR SULTAN MAULANA*: SATU KAJIAN
BANDINGAN**

WAN ROSHAZLI BINTI WAN RAZALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**UNSUR SEJARAH SEBAGAI SATU STRATEGI
NARATIF DALAM *SYAIR PERANG MENTENG*
DAN *SYAIR SULTAN MAULANA*: SATU KAJIAN
BANDINGAN**

oleh

WAN ROSHAZLI BINTI WAN RAZALI

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran dengan izin Allah S.W.T dapat saya menyiapkan tesis bertajuk Unsur Sejarah sebagai Satu Strategi Naratif dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana: Satu Kajian Bandingan*. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat penyelia utama kajian ini Dr. Chow Sheat Fun di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran, pandangan dan cadangan dengan kesabaran yang tinggi dalam menyelia tanpa jemu sehingga tesis ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Tidak dilupa juga kepada penyelia bersama Dr. Sakinah Abu Bakar di atas segala dorongan dan semangat yang diberikan dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Kesusasteraan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dr. Mohammad Luthfi Bin Abdul Rahman (Penyelia Disertasi Ijazah Sarjana), Prof. Dr. Jelani Harun, Prof. Dato' Sri Dr .Md Salleh Yaapar, Prof Dato' Dr. Sohaimi Abdul Aziz, Prof. Madya Dr. Siti Hajar Che Man dan Dr. Halimah Mohamed Ali dan Allahyarhmah Prof. Madya Dr. Rahimah A. Hamid yang telah mencurahkan ilmu sepanjang saya bergelar pelajar di pusat pengajian tersebut. Hanya Allah dapat membalas jasa-jasa mereka dengan ganjaran di dunia dan juga akhirat. Serta tidak ketinggalan buat sarjana kesusasteraan dalam bidang klasik yang baharu sahaja menghadap Ilahi iaitu Dr. Harun Mat Piah dan Dr. Raden Ali Masri.

Tidak dilupakan buat arwah ayah dan ibu yang telah lama berpulang ke negeri abadi semoga dalam rahmat dan dakapan Ilahi. Buat adik beradik (Abang Long Wan Muhammad Rishamuddin Ali dan Wan Roshazlin Binti Wan Razali) yang menjadi tulang belakang dalam menyiapkan tesis ini serta doa daripada anak-anak saudara

sebagai penguat semangat meneruskan pengajian di sini. Seterusnya kepada teman-teman yang tidak pernah berhenti memberi kata-kata semangat serta doa, maaf tidak dapat saya tuliskan nama anda semua dalam tesis ini. Semoga Allah merahmati dan membalas segala kebaikan anda semua. Serta buat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

Terima kasih.

WAN ROSHAZLI BINTI WAN RAZALI

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh.

Disember 2021.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Peranan Karya Sastera Sejarah.....	1
1.2 Syair Peperangan.....	2
1.3 <i>Syair Perang Menteng dan Syair Sultan Maulana</i>	7
1.4 Pemasalahan Kajian.	11
1.5 Objektif Kajian.....	21
1.6 Batasan Kajian	22
1.7 Kepentingan Kajian.....	24
1.8 Kajian Lepas.....	27
1.9 Metodologi	36
1.9.1 Kaedah Perpustakaan.	36
1.9.2 Kerangka Teori.....	36
1.9.3 Pendekatan Kajian.....	37
1.10 Organisasi Bab	41
BAB 2 TEORI NARATIF	43
2.1 Pendahuluan	43
2.2 Aliran dalam Teori Naratif.....	44
2.2.1 Aliran Perancis	44
2.2.2 Aliran Amerika.....	46

2.2.3	Aliran Islam.....	46
2.2.4	Aliran Rusia.	49
2.3	Definisi Naratif.....	50
2.4	Watak	55
2.5	Plot	57
2.6	Latar	63
2.7	Sudut Pandangan.....	64
2.8	Gaya Bahasa.....	65
2.9	Tema.....	66
2.10	Ideologi Pengarang.....	68
2.11	Konsep Perbandingan.....	71
2.11.1	Tematik	72
2.11.2	Generik.....	73
2.11.3	Genetik.....	74
2.12	Kesimpulan	78
BAB 3	UNSUR SEJARAH SEBAGAI SATU STRATEGI NARATIF DALAM SYAIR PERANG MENTENG DAN SYAIR SULTAN MAULANA.....	79
3.1	Pengenalan	79
3.2	Sejarah Perhubungan Belanda dan Palembang.....	83
3.3	Sejarah Perhubungan Kedah dan Siam.....	94
3.4	Watak dalam <i>Syair Sultan Maulana</i> dan <i>Syair Perang Menteng</i>	106
3.5	Latar	116
3.5.1	Latar Tempat.....	116
3.5.2	Latar Peristiwa	120
3.5.3	Latar Masa.....	130
3.5.4	Latar Peperangan.....	134
3.6	Kesimpulan	155

BAB 4	KEHEBATAN SULTAN MAHMUD BADARUDDIN II DAN SULTAN MAULANA.....	156
4.1	Pengenalan	156
4.2	Raja Sebagai Simbol Keadilan Negara	163
4.3	Panglima Perang yang Ulung.....	167
4.4	Upacara Keagamaan.....	168
4.5	Ketaatan Rakyat Kepada Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Maulana.....	174
4.6	Kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Maulana dalam Menyelesaikan Masalah	179
4.6.1	Konsep Perang Dalam Islam.....	181
4.6.2	Mencontohi Strategi Peperangan Rasulullah S.A.W	184
4.6.3	Serangan Mengejut.....	188
4.7	Wira Masyarakat Palembang dan Kedah	190
4.8	Kerajaan yang Stabil	197
4.9	Kesimpulan	199
BAB 5	STRATEGI PEPERANGAN DALAM SYAIR PERANG MENTENG DAN SYAIR SULTAN MAULANA	202
5.1	Pendahuluan	202
5.2	Strategi Peperangan Dalam <i>Syair Perang Menteng</i> Dan <i>Syair Sultan Maulana</i>	205
5.3	Strategi Sebelum Peperangan.....	215
5.3.1	Strategi Musyawarah dalam <i>Syair Perang Menteng</i> dan <i>Syair Sultan Maulana</i>	215
5.3.2	Upacara Keagamaan.....	220
5.3.3	Strategi Risikan atau Intipan	224
5.4	Strategi Semasa Peperangan	228
5.4.1	Pembinaan Kubu dan Aturan Alatan Senjata.....	228
5.4.2	Strategi Berbalas Serangan	232
5.4.3	Serangan Melalui Pelbagai Penjuru dan Kejutan.....	240

5.4.4	Serangan Hendap dan Rempuhan	244
5.4.5	Penggunaan Mantera.....	247
5.4.6	Tentera Upahan	252
5.4.7	Strategi Geografi	254
5.5	Strategi Selepas Peperangan	256
5.6	Melarikan Diri.....	257
5.6.1	Penganugerahan daripada Sultan	258
5.7	Kesimpulan	260
BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN		262
SENARAI RUJUKAN		269

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Kepentingan Naratif <i>Syair Perang Menteng</i> dan <i>Syair Sultan Maulana</i> 105
Jadual 3.2	Jadual di bawah menunjukkan watak-watak yang terdapat dalam <i>Syair Perang Menteng</i> dan <i>Syair Sultan Maulana</i> 115
Jadual 3.3	Latar Tempat dalam <i>Syair Perang Menteng</i> dan <i>Syair Sultan Maulana</i> 117

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Teori Naratif oleh Mike Bal Sumber: Mieke Bal (2017:12, 65, 155, 165, 177, 182)..... 54
Rajah 2.2	Plot Naratif <i>Syair Perang Menteng</i> dan <i>Syair Sultan Maulana</i> Berdasarkan <i>Model Struktur Freytag</i> (Sumber Griffith 1994:65)..... 63
Rajah 2.3	Ringkasan Gabungan Lima Prinsip Teori Naratif dan Tiga Elemen Pendekatan Kajian Perbandingan (Hosilos, 2001)76
Rajah 3.1	Peta Negeri-negeri Indonesia dalam Perjanjian Tuntang Pada Tahun 18 September 1811. Dilakar Semula Menggunakan <i>Sistem Geography Information System (GIS)</i> . Sumber Sjafii (1976:25) <i>Indonesia Pada Masa Pemerintahan Raffles</i> 89
Rajah 3.2	Peta Perjalanan yang dilalui oleh tentera Kedah untuk tiba di Pulau Salang. Berdasarkan naskah <i>Syair Sultan Maulana</i> (1980), kajian Muhammad Yusoff Hasshim. 119
Rajah 5.1	<i>Grand Strategy</i> Peperangan dalam <i>Syair Perang Menteng</i> dan <i>Syair Sultan Maulana</i> 205

**UNSUR SEJARAH SEBAGAI SATU STRATEGI NARATIF DALAM SYAIR
PERANG MENTENG DAN SYAIR SULTAN MAULANA: SATU KAJIAN
BANDINGAN**

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan unsur sejarah sebagai satu strategi naratif secara perbandingan dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*. Objektif utama kajian adalah untuk mengetengahkan unsur sejarah yang telah diguna oleh pengarang sebagai ilham penciptaan dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*. Untuk memperdalamkan perbincangan, kajian ini didasarkan kepada teori naratif oleh Mieke Bal (2017) dan kerangka konsep sastera perbandingan oleh Susan Bassnett (1991). Berdasarkan kepada teori naratif, lima prinsip yang akan diaplikasi dalam perbincangan kajian ini iaitu watak, latar, ideologi, pengarang dan teks. Di samping itu juga, kajian ini turut diperkemaskan lagi bersama pendekatan kesusasteraan bandingan melalui tiga prinsip yang terdapat dalam kesusasteraan bandingan iaitu tematik, generik dan genetik. Objektif kedua pula, adalah menganalisis ideologi pengarang yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* sebagai idea untuk mengangkat kedudukan Sultan Mahmud Badaruddin II dalam *Syair Perang Menteng* manakala Sultan Maulana dalam *Syair Sultan Maulana* sebagai sultan yang mempunyai kehebatan dalam menyelesaikan masalah negaranya. Aspek perbandingan kajian ini akan menggunakan pendekatan genetik untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan watak kedua-dua sultan ini. Objektif ketiga ialah, membandingkan strategi peperangan orang Melayu Palembang dalam *Syair Perang Menteng* dan orang Melayu Kedah dalam *Syair Sultan Maulana*. Melalui unsur bandingan ini turut memperlihatkan kehebatan orang-orang Melayu ketika berperang

melalui penggunaan strategi peperangan yang teratur dan tersusun rapi. Di samping itu, dapat membuktikan masyarakat Melayu sudah pun mencapai kemajuan yang cukup tinggi dalam dunia peperangan. Hasil kajian ke atas kedua-dua syair perang ini penting untuk menonjol kekuatan dan keistimewaan teks ini berbanding teks-teks syair perang yang lain.

**HISTORICAL ELEMENTS AS NARRATIVE STRATEGY IN SYAIR
PERANG MENTENG AND SYAIR SULTAN MAULANA: A COMPARATIVE
STUDY**

ABSTRACT

This study discusses historical elements as narrative strategy by comparing two poetic texts: *Syair Perang Menteng* and *Syair Sultan Maulana*. The objective of this research is to focus on the historical elements used by the poets as inspiration to compose both texts. This study is based on the theory of narrative by Mieke Bal (2017) and for in-depth discussion, the conceptual framework of comparative literature by Susan Bassnett (1991) is applied. According to the theory of narrative, five principles are used in this study, which are character, theme, author's ideology, author and text. This study also applies three concepts of comparative literature, which are thematic, generic and genetic. The second objective of this study is to examine the ideologies of the authors. This study intends to emphasise the role of Sultan Maulana Badaruddin II in *Syair Perang Menteng* and Sultan Maulana in *Syair Sultan Maulana*. The enemies attacks had destroyed the monarchy of Indonesia and Malaya such as in Malacca. The collapse of the monarchy caused the Malays to lose trust in Malay kings' *daulat*. Therefore, through this study, the researcher attempts to show the glory of Malay kings. Through comparative literature, this study uses the genetic approach to compare the similarities and differences between the two sultans. The other objective of this study is to honour the prowess of the Malays who used organised war strategies. This third objective of this study is to demonstrate that the Malays have achieved great progress in regards to warfare. The findings of this study are important to determine

the strength and distinctiveness of these poetic texts in comparison to other war poetic texts.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Peranan Karya Sastra Sejarah.

Naskhah-naskhah Melayu terutama karya sastra sejarah kaya dengan rakaman peristiwa zaman silam. Antara contoh peristiwa zaman silam yang dirakamkan dalam karya sastra sejarah ialah tentang asal-usul keturunan raja, asal usul pembentukan negeri, kedatangan agama Islam di alam Melayu, salasilah raja-raja, kegemilangan dan kehancuran sesebuah kerajaan besar seperti Melaka, Sriwijaya, Langkasuka, Majapahit dan Samudera-Pasai. Melalui peristiwa ini telah dapat memberi gambaran bahawa bangsa Melayu sudah mempunyai ketamadunan tinggi dalam penulisan berhubung peristiwa sejarah (Jelani Harun, 2019:x).

Terdapat empat ciri utama yang harus ada dalam karya-karya bergenre sastra sejarah iaitu sastra tersebut harus mengisahkan jurai keturunan raja-raja, pembukaan negeri sehingga kehancuran, kedatangan agama Islam dan juga mitos lain yang berkaitan sindiran dan kritikan terhadap golongan atasan. Di sebalik peristiwa-peristiwa ini terselit satu peristiwa penting yang mewarnai kanvas penulisan sastra sejarah iaitu fenomena peperangan. Fenomena peperangan kebiasaannya dikisahkan dalam bentuk syair berbanding dalam bentuk prosa. Hal ini demikian kerana kekuatan syair¹ dapat membangkitkan pelbagai emosi seperti emosi riang, gembira, sedih, duka, bangga dan

¹ Syair merupakan puisi terikat yang terdiri daripada empat larik serangkap, empat perkataan selarik, mempunyai jeda akhir yang sama. Setiap rangkap mempunyai kronologi dan mempunyai beberapa rangkap untuk menyampaikan keseluruhan idea. Jenis-jenis syair juga bergantung pada jumlah larik serangkap dan variasi rima. Contohnya syair dua larik atau kuplet, syair tiga larik serangkap, enam larik serangkap dan syair berkait. Istilah-istilah seperti syair romantis, syair panji, syair sejarah, syair agama, syair simbolik dan sebagainya adalah sebahagian daripada tema atau isi, bukan jenis atau bentuk (Harun Mat Piah, 1989:19).

dendam. Syair sejarah berbentuk peperangan biasanya dikarang selepas kedatangan kuasa Barat ke alam Nusantara. Malah terdapat juga syair-syair ini dikarang setelah kekalahan atau berakhirnya pemerintahan beraja di alam Nusantara.

Syair merupakan sebahagian daripada warisan Melayu silam. Hal ini demikian kerana syair dibentuk untuk menyampaikan sesuatu cerita atau peristiwa, amanat atau pesan pengarang (Azhar Ibrahim, 2016:ix-xi). Selain itu, syair turut berfungsi sebagai medium komunikasi serta sebagai wadah hiburan dan pengajaran. Syair juga dijadikan sebagai alat kritikan tajam kepada pemerintah atau pun orang yang berkuasa. Dalam konteks syair perang kritikan dituju kepada pihak penjajah dan orang tempatan yang terlibat serta bersubhat dengan penjajah dengan menjadi ‘mata-mata’ atau ‘tali barut’.

Walaupun syair peperangan telah ditulis sekian lamanya, teks-teks ini masih dijadikan sebagai bahan rujukan utama oleh para pengkaji serta pembaca masa kini untuk mendapatkan maklumat berkaitan corak kehidupan masyarakat silam pada ketika itu. Kehebatan karya-karya perang masih terus dibincang serta dibahaskan. Teks-teks klasik perang ini turut mendapat perhatian daripada sarjana-sarjana Barat seperti Wilkinson, V.I Braginsky, A. Teuw. C. Skinner, Virginia Matheson, Andaya Barbara Watson, M.O Woelders² dan ramai lagi sarjana Barat dalam usaha mereka memahami peradaban masyarakat Melayu silam.

1.2 Syair Peperangan

Peperangan menurut Muhammad Yusoff Hashim (1993:188) ialah suatu kegiatan yang melibatkan fizikal dan mental manusia, materi (peralatan), profesion,

² Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana seperti yang dinyatakan di atas akan dihuraikan pada bahagian permasalahan kajian.

sains atau seni yang berkait dengan kegiatan atau operasi ketenteraan untuk tujuan sesuatu. Alexander Moseley (2010:16) berpendapat peperangan berlaku disebabkan oleh konflik terbuka, dan dibezakan dengan bentuk-bentuk keganasan manusia seperti menyerang, menyentuh dan membunuh, melakukan rusuhan dan berkelahi. Peperangan adalah kekerasan yang tersusun dan teratur serta melibatkan tenaga manusia yang ramai juga kerosakan dan kemusnahan yang dahsyat serta turut melibatkan aspek-aspek mental dan fizikal.

Hasil daripada kajian *Sejarah Dunia* (Moseley Alexander, 2010:12), fenomena peperangan bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat moden, namun masyarakat silam juga tidak terkecuali terlibat dalam peperangan. Barbara Watson Leonard Andaya dalam bukunya bertajuk *Sejarah Malaysia* (1983:45) menyatakan terdapat dua bentuk peperangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat silam, iaitu berbentuk setempat iaitu peperangan saudara dan juga peperangan antarabangsa yang melibatkan peperangan dengan kuasa-kuasa asing. Peperangan terjadi apabila keputusan yang diterima tidak berpihak atau memuaskan hati individu atau sekumpulan masyarakat yang berkonflik. Peperangan merupakan jalan terakhir setelah gagal mendapat rundingan bersama atau kata sepakat.

Peperangan dalam masyarakat silam turut melibatkan pelbagai elemen seperti aspek penggunaan tenaga manusia yang ramai, kelengkapan peperangan, keganasan, kematian dan kemusnahan harta benda juga negara. Peperangan masyarakat silam bukan hanya dapat disaksikan dan dibuktikan berdasarkan bahan-bahan tinggalan sejarah, buku teks, rujukan dan laporan tetapi turut terakam dalam karya-karya sastera

bercorak sejarah sama ada berbentuk prosa³ atau syair. Pengarang syair perang telah menjadikan peristiwa peperangan sebagai tema utama malah peristiwa peperangan telah mendominasi setiap naratif dalam karya tersebut. Episod-episod perang telah dijadikan oleh pengarang-pengarang silam sebagai ilham untuk mereka berkarya serta melontarkan ideologi dan emosi mereka. Hal ini bermakna, penciptaan syair perang bertujuan menonjolkan kemenangan, keperwiraan, keberanian, tokoh perang dan kemegahan. Sementara kisah-kisah peperangan yang dikisahkan dalam genre syair perang turut memerihalkan peristiwa yang sebenar serta faktor mencetuskan peperangan, kekalahan, kemenangan, kebinasaan, kesusahan yang harus dihadapi (Mardiana Nordin, 2012:21-22).

Menurut Zubir Idris (2013:11-12), karya-karya sastera sejarah yang dikarang dalam bentuk syair, khususnya syair bertemakan peperangan tidak kurang pentingnya dalam menyumbangkan maklumat kepada pengkaji dan pembaca. Informasi-informasi ini adalah berhubungan dengan gambaran penentangan terhadap penjajah atau kuasa asing oleh masyarakat peribumi Nusantara. Jelasnya penentangan ini didukung oleh sikap semangat cintakan tanah air ataupun semangat bangga terhadap kesukuan masing-masing serta agama atau kepercayaan. Perkara ini dapat dijelaskan apabila syair-syair ini sering mendapat perhatian sarjana tempatan mahupun Barat, menerusi kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan. Sebagai karya sastera, teks-teks peperangan tidak hanya membincangkan persoalan-persoalan ketamadunan, martabat serta liku-liku perjalanan sesebuah kerajaan tetapi turut memberi peluang merakamkan sikap semangat cintakan tanah air.

³ Perkataan prosa berasal daripada bahasa Latin iaitu jelas dan mudah. Prosa merujuk kepada semua bentuk penulisan atau pengucapan yang tidak mempunyai corak atau irama tertentu dan ditulis dalam bahasa yang biasa atau pertuturan (Hashim Awang, 1988:260).

Karya-karya pensejarahan Melayu dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu prosa dan puisi (syair). Karya-karya berbentuk prosa memerihalkan sejarah sebuah kerajaan sebelum kedatangan penjajah dan tercipta di istana-istana raja Melayu, bersesuaian dengan peranan istana sebagai tempat berkumpulnya intelektual istana zaman silam⁴ (Ali Ahmad, 1987:7). Antara karya-karya yang tergolong dalam bentuk prosa ini adalah *Sulalatus Salatin* (1972), *Hikayat Raja-raja Pasai* (1992), *Hikayat Merong Mahawangsa* (1992), *Hikayat Aceh* (2001), *Misa Melayu* (1992), *Sejarah Raja-raja Riau* (1965), *Hikayat Negeri Johor* (1996), *Hikayat Patani* (1992). Teks-teks ini berpusatkan istana serta bertujuan mengangkat geneologi raja-raja Melayu, daripada susur galur yang magis, pembukaan negara kota dan kehancuran ataupun era kegemilangan kepada penerusan kerajaan tersebut⁵ contohnya negeri Kedah. Karya-karya bercorak ini sarat dengan unsur-unsur mitos yang sukar untuk diterima oleh akal sihat manusia masa kini.

Karya bergenre puisi pula lebih merakamkan kisah-kisah atau peristiwa selepas kedatangan kuasa asing (Barat) dan karya-karya ini lebih bersifat catatan semasa iaitu *chronicle* yang mengisahkan tentang sesuatu peristiwa yang tidak memakan ruang waktu yang panjang. Penceritaan bentuk ini tidak lagi mengabungkan unsur-unsur

⁴ Istana telah menjadi tempat persinggahan utama para pedagang dan juga mubaligh untuk menyebarkan agama Islam. Selepas Islam disebarkan mereka mula mengajar golongan bangsawan menulis dan membaca dalam huruf jawi. Atas kesedaran yang timbul para penguasa iaitu raja atau sultan mengarahkan jurutulis atau perawi istana yang kebiasaannya terdiri daripada Bendahara atau golongan Diraja untuk menulis soal keagamaan untuk memudahkan menjadi rujukan. Tetapi berlaku perubahan apabila raja atau sultan mengarahkan bentuk penulisan yang berkaitan dengan kepentingannya seperti penulisan geneologi raja-raja Melayu, keluarga bangsawan dan kegiatan harian (Noriah Taslim, 2006:180).

⁵ Ahmat Adam (2016:xi) menyatakan Perak dan Johor merupakan warisan daripada negeri Melaka. Selepas kejatuhan Melaka Sultan Mahmud Syah telah berundur ke Bertam, Batu Hampar, Pagoh, dan Pahang. Setelah gagal mendapatkan bantuan daripada negara China baginda telah berpindah ke Johor dan mengasaskan kesultanan Johor sebagai pusat perdagangan di Pulau Bentan untuk menyaingi pelabuhan di Melaka. Setelah diserang oleh Portugis baginda telah berundur ke Perak. Pengunduran disini bukanlah bermaksud kalah tetapi untuk tujuan mencari strategi untuk mendapatkan semula Melaka. Meskipun gagal untuk menawan kembali Melaka tetapi kerajaan Johor dan Perak merupakan penerusan kepada kerajaan Melaka dan kesultanan tersebut masih megah berdiri sehingga kini.

mitos dan dogeng seperti karya-karya bercorak sastera sejarah berbentuk prosa. Sebaliknya, penceritaan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku seperti sejarah masyarakat pada zaman tersebut. Walaubagaimana pun, unsur-unsur sastera masih lagi kental mendominasi penceritaan tersebut (Muhammad Yusoff Hasshim, 1980: 23). Antara syair peperangan dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu yang masih lagi menjadi rujukan para sarjana hingga detik ini ialah *Syair Sultan Maulana* (1980), *Syair Perang Menteng* (1975), *Syair Perang Siak* (1994), *Syair Perang Mengkasar* (1994) dan *Syair Peperangan Aceh* (1992).

Syair peperangan telah melanggar struktur penceritaan sastera silam yang berbentuk prosa khususnya genre hikayat. Hal ini kerana syair perang tidak lagi menaratifkan unsur mitos atau luar biasa seperti kecantikan putera puteri dan juga keindahan istana. Syair peperangan lebih memfokuskan naratif peperangan yang berlaku di alam nyata dan watak-wataknya merupakan manusia yang hidup pada zaman tersebut. Meskipun struktur penceritaan dalam syair menyimpang daripada bentuk penulisan karya prosa dan hikayat, namun penulisannya masih berpihak kepada golongan istana⁶. Syair bertemakan peperangan ditulis sekitar penghujung abad ke-18 dan abad ke-19. Setelah kemasukan era kolonial di alam Nusantara, penghasilan genre syair perang dikarang ke arah isu kebangkitan anak-anak watan mula melibatkan diri secara khusus dengan peperangan antarabangsa. Penulisan syair menjadi rancak apabila lebih daripada seribu naskhah perang yang telah dikaji yang tidak hanya melibatkan di

⁶ Sastera tulisan dalam masyarakat silam hanya tertumpu kepada istana akhirnya terhasilnya sastera elit feodal. Hanya segelintir sahaja golongan yang pandai menulis dan mereka berkhidmat di istana. Justeru secara tidak langsung mereka berkhidmat kepada raja, keluarga diraja dan pembesar istana, bukan untuk golongan rakyat. Golongan ini telah bertindak sebagai penaung kepada penulis tersebut. Hasilnya terbentuklah hubungan penulis-pelindung (penaung). Penulisan berbentuk sejarah yang dihasilkan akibat perhubungan ini adalah mengenai raja dan pembesar. Raja dan keturunannya disanjung dan diberi keistimewaan dan hasilnya kedudukan raja dan golongan bangsawan dapat dikekalkan (Muhammad Yusoff Hasshim, 1980:15).

alam Melayu tetapi juga di dunia Eropah dan Asia Timur. Sungguhpun demikian *Syair Perang Menteng* (1975) dan *Syair Sultan Maulana* (1980) merupakan dua buah syair yang mengangkat tema peperangan dengan melibatkan dua buah kerajaan di Nusantara iaitu kerajaan Palembang (Indonesia) dan Kedah (Malaysia). Kedua-dua kerajaan tersebut pernah melangsungkan peperangan yang hebat dengan kuasa asing iaitu Belanda dan Burma (atas arahan Siam).

1.3 *Syair Perang Menteng dan Syair Sultan Maulana.*

Syair Perang Menteng yang juga dikenali sebagai *Syair Perang Muntighe* atau *Syair Perang Palembang* telah ditransliterasikan oleh Woelders, M.O (1975) dan syair ini terdiri daripada 280 rangkap. Syair ini dikarang setelah kekalahan tentera Palembang di tangan Belanda di bawah pimpinan C.J. Wolterbacak pada bulan Disember 1821 (Teuku Iskandar, 2001:465). Serangan Belanda di bawah pimpinan Idelir Muntighe ke atas Palembang sebanyak tiga kali telah berjaya dipatahkan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II dan tentera-tenteranya. Perkataan 'Menteng' diambil sempena nama Jeneral Belanda yang mengetuai serangan ke atas Palembang, iaitu Idelir Muntighe. Perkataan Menteng telah disesuaikan dengan sebutan masyarakat tempatan Palembang. Syair ini menggarapkan sejarah peperangan di Palembang antara tahun 1819 hingga 1821.

Syair Perang Menteng mengisahkan perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II, iaitu Sultan Palembang ketujuh dan diturunkan takhta oleh Inggeris dan digantikan dengan Sultan Ahmad Najamuddin IV, iaitu adik kepada Sultan Mahmud Badaruddin II. Hal ini kerana, Sultan Mahmud Badaruddin II lebih berpihak kepada Belanda. Negara Palembang menjadi rebutan kuasa Inggeris dan Belanda setelah timah ditemui di Pulau Bangka dan Belitung pada pertengahan abad ke-18 (Dahlan, 1984:7).

Konvensi London pada tahun 1814 menyebabkan Palembang diserahkan kepada Belanda. Pada tahun 1818, Sultan Mahmud Badaruddin II ditabal kembali sebagai Sultan Palembang oleh pihak Belanda. Sultan Ahmad Najmuddin IV telah diasingkan ke Cianjur kerana tidak mendapat sokongan daripada masyarakat Palembang terutamanya daripada penduduk kawasan pedalaman. Selain itu, Sultan Ahmad Najmuddin IV juga telah menjalinkan hubungan erat dengan British untuk menentang Belanda melalui hubungan persahabatan dengan Raffles.

Kedatangan Idelir Muntighe (selepas ini disebut sebagai Menteng) di Palembang adalah kerana faktor kegagalan Kapten Robinson, menyelesaikan masalah perebutan takhta antara Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Ahmad Najmuddin IV. Kehadiran beliau tidak disenangi oleh penduduk tempatan Palembang termasuk Sultan Mahmud Badaruddin II. Penduduk tempatan bertindak menyerang angkatan Belanda yang sedang membuat rondaan di kawasan Sungai Rawas untuk memastikan tiada penempatan tentera Inggeris di Palembang. Akibat serangan tersebut, Menteng menuntut Sultan Mahmud Badaruddin II menyerahkan Putera Mahkota Palembang sebagai tanda kesetiaan baginda terhadap kerajaan Belanda. Di samping, hak monopoli bijih timah di Pulau Bangka dan Belitung kepada kuasa Belanda. Namun tuntutan-tuntutan ini telah ditolak oleh Sultan Mahmud Badaruddin II. Penolakan tersebut merupakan salah satu penyebab kepada tercetusnya peperangan antara kedua-dua pihak. *Syair Sultan Maulana* turut tergolong sebagai syair peperangan. Syair ini telah dihasilkan oleh pengarang istana Kedah. Syair ini telah ditransliterasi oleh Muhmaamd Yusoff Hashim dan telah diterbitkan pada tahun (1980) oleh Universiti Malaya. 'Maulana' bermaksud tertinggi, guru, pendidik agama dan tuan. Syair ini dikarang untuk dipersembahkan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Abdul Halim Shah yang juga digelar sebagai Sultan Maulana. Syair ini antara syair terpanjang dan terdiri daripada

1102 rangkap. *Syair Sultan Maulana* telah dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama mengisahkan pemberontakan Patani dan bahagian kedua menaratifkan peristiwa peperangan antara kuasa Siam dengan kuasa Burma di Pulau Salang serta penglibatan orang-orang Kedah dalam peperangan antara dua kuasa asing tersebut. Sepanjang peperangan antara kerajaan Siam dan Burma, Siam telah dibantu oleh negeri-negeri Melayu yang telah menjadi negeri naungan Siam iaitu Patani, Senggora, Ligor, Patthalung, Punga, Telibung, Setul, Trang dan Kedah. Peperangan ini dianggarkan berlangsung selama enam bulan dan peperangan ini telah dimenangi oleh kuasa Siam dan dibantu oleh negeri-negeri Melayu termasuk tentera negeri Kedah. Kisah ini telah memunculkan watak Wazir⁷ sebagai jaguh dalam memastikan kejayaan berpihak kepada Siam. Hasilnya Sultan Maulana telah diberikan anugerah gelaran ‘Chao Phra Ya⁸’ iaitu gelaran bangsawan Siam tertinggi.

Walaupun peristiwa peperangan di Palembang dan Pulau Salang dapat dibaca dalam laporan catatan sejarah secara faktual, *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* merupakan satu-satunya naskah yang ditulis bagi menceritakan fenomena peperangan tersebut secara menyeluruh berbanding penulisan berbentuk sejarah. Kenyataan *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* sebagai karya-karya yang mempunyai hubung kait dengan peristiwa perhubungan antara kuasa asing telah ditimbulkan oleh Muhammad Yusoff Hashim (1980:87):

Syair Sultan Maulana merupakan teks yang menjelaskan perhubungan antara Siam dan Kedah serta penindasan yang dilakukan oleh kerajaan Siam terhadap Kedah.

Begitu juga dinyatakan oleh Dahlan (1984:3):

⁷ Laksamana telah diarahkan mengetuai angkatan perang ini dan sepanjang peperangan berlangsung beliau diberi gelaran sebagai Wazir yang bermaksud menteri.

⁸ Gelaran bangsawan tertinggi diberikan oleh kerajaan Siam yang sama tarafnya dengankedudukan Raja Ligor.

Syair Perang Menteng merupakan peristiwa peperangan yang melibatkan kekuasaan Belanda untuk merampas semula Palembang dan memperlihatkan sejarah perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II mempertahankan Palembang daripada dijajah oleh Belanda

Pandangan yang ditimbulkan oleh Muhammad Yusoff Hasshim (1980) bahawa *Syair Sultan Maulana* merupakan sebagai sebuah teks yang berkaitan dengan sejarah perhubungan Siam dan Kedah di bawah pemerintah Sultan Maulana dan juga mencerminkan penindasan kerajaan Siam ke atas Kedah telah meninggalkan persoalan besar sehingga kini. Hal ini demikian kerana sejarah dalam pandangan sejarawan harus mempunyai ketepatan fakta tanpa dicampur dengan unsur imaginasi, kreativiti dan emosi penulisnya. *Syair Perang Menteng* pada pandangan Dahlan adalah kisah perjuangan seorang sultan dalam mempertahankan negaranya dan syair ini mempunyai nilai sejarah setempat. Kepentingan sejarah yang terkandung dalam teks ini sering diabaikan oleh sejarawan dan pengabaian ini telah membuka satu ruang kepada para pengkaji sastera untuk menilai teks *Syair Perang Menteng* melalui aspek sejarah yang dinaratifkan dalam bentuk syair.

Teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* penting untuk dikaji kerana sejarah menurut masyarakat silam bukanlah seperti catatan-catatan sejarah yang difahami pada masa kini. Masyarakat silam berpegang kepada unsur didaktik atau moral yang diperolehi daripada sebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang. Karya tersebut dianggap bernilai dan bersejarah sekiranya ia mampu memberi nilai-nilai moral atau faedah kepada para pembaca pada zaman tersebut dan selepasnya. Hal ini boleh dikaitkan dengan mukadimah dalam teks *Sulalatus Salatin* selenggaran A. Samad Ahmad apabila Tun Sri Lanang diarahkan untuk mengarang teks tersebut:

Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa:
barang kita perbaiki kiranya dengan adat istiadatnya supaya
diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita,

dan **boleh diingatkan oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya** (Sulalatus Salatin, 1979:2).

Kutipan teks diatas bermaksud karya-karya sastera sejarah yang dikarang oleh pengarang silam haruslah membawa unsur pengajaran dan juga memberi faedah iaitu informasi serta pengetahuan kepada pembaca. Braginsky (1992) sering menekankan unsur faedah yang terkandung dalam penulisan karya-karya klasik sebagai cerminan peradaban, pemikiran serta kebijaksanaan masyarakat silam. Pandangan bangsa Melayu terhadap erti sejarah adalah unik dan membawa maksud tersendiri kerana berbeza berdasarkan perspektif masyarakat Barat ataupun masyarakat moden kini.

Faedah atau keunikan teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* adalah berkaitan sejarah perhubungan antara kerajaan Palembang dan Kedah dengan kuasa luar atau asing. Lantaran itu, kedua-dua syair perang ini wajar diberi tumpuan kerana kandungan yang tercatat dalam syair ini dapat membuktikan adanya hubung kait dengan situasi peperangan yang pernah berlaku di Palembang dan Pulau Salang. Selain itu, kedua-dua syair ini turut mencatatkan peristiwa-peristiwa penting melalui watak, latar tempat dan masa serta peristiwa yang mencetuskan insiden peperangan. Kesemua unsur-unsur ini telah digunakan oleh pengarang sebagai strategi penceritaanya.

Justeru itu, kajian ke atas *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* wajar dilakukan untuk menilai perspektif ideologi pengarang dalam usaha mengangkat kembali kedudukan raja-raja Melayu, di samping mempamerkan kehebatan serta kebijaksanaan masyarakat Melayu sewaktu berperang melalui strategi dan taktik peperangan serta penggunaan alatan senjata tersendiri.

1.4 Pemasalahan Kajian.

Kajian terhadap naskhah syair bertemakan perang bukanlah sesuatu yang asing atau pun baharu dalam dunia kesusasteraan. Hal ini demikian kerana, sudah ramai pengkaji Timur mahupun Barat telah menjalankan kajian terhadap teks-teks bertemakan perang di alam Nusantara sehingga kini. Kajian-kajian sarjana sebelum ini secara umumnya bersifat menyeluruh dan bersifat kajian filologi terhadap naskhah-naskhah, atau berbentuk deskriptif.

Antara kajian tentang syair perang yang telah dilakukan oleh para sarjana terdahulu ialah *Syair Kompeni Welanda Berperang dengan China*⁹ oleh Jan Rusconi (1935), *Syair Musuh Kelantan*¹⁰ oleh Kassim Ahmad (1960), *Syair Perang Mengkasar*¹¹ oleh C.Skinner (1963), *Syair Perang Rokam*¹² oleh Abdul Wahab Muhammad (1964), *Syair Perang Menteng* oleh M.O Woeldress (1975), *Syair Raja Siak*¹³ (1978), *Syair Perang Wangkang*¹⁴ oleh Putri Minerva Mutiara (1979), *Syair Sultan Maulana* oleh

⁹ Juga dikenali sebagai *Syair Hemop* ditulis dalam bahasa Banjar oleh Abdul Rahman. Beliau merupakan seorang wartawan dan juga jurutulis yang menyaksikan peristiwa Geger Pancinan yang telah berlaku pada 1740-an di Batavia. Peristiwa ini merupakan satu kempen menghantar orang China Tionghoa miskin ke Sailan (Sri Langka) oleh Gustaaf Willem Baron Van Imhoff. Akhirnya orang China ini dibunuh oleh penduduk Sailan dan diperlakukan dengan kejam.

¹⁰ *Syair Musuh Kelantan* bermula dengan peristiwa perebutan takhta di Kelantan oleh Raja Banggol (Bendahara) dengan Tuan Senik (anak saudara kepada Sultan Muhammad I). Peperangan ini berlaku apabila Sultan Muhammad I tidak meninggalkan zuriat untuk menggantikan beliau sebagai Sultan Kelantan seterusnya. Tuan Senik telah meminta bantuan kerajaan Siam untuk memberi sokongan kepadanya untuk menjadi sultan seterusnya. Peperangan ini dimenangi oleh Tuan Senik. Menariknya musuh dalam syair ini bukanlah dituju kepada pihak Siam tetapi kepada orang-orang Kelantan kerana mencari bantuan luar untuk mendapatkan sokongan. Akhirnya Kelantan menjadi salah satu negeri naungan Siam.

¹¹ Dikarang oleh Encik Amin jurutulis kepada Sultan Hasanuddin. Syair ini merupakan kisah peperangan di antara kerajaan Goa dengan VOC yang berlangsung pada 1667-1688 yang akhirnya tewas kepada VOC.

¹² *Syair Rokam* mengisahkan peperangan penduduk Rokam (Melaka) kerana ketidakpuasan hati terhadap sistem cukai yang dikenakan oleh pihak Inggeris kepada penduduk Serkam. Meskipun perjuangan ini gagal ia memberi kesan kepada daerah Rokam kerana orang Melayu mula berhijrah ke negeri Johor. Apabila Tok Andak individu yang menjadi buruan Inggeris telah mendapat perlindungan Sultan Johor dan membuka penempatan di Muar.

¹³ Mengisahkan peperangan antara Sultan Siak dan Raja Ismail menentang Belanda pada tahun 1760-1761. Syair ini turut mengisahkan perebutan takhta kerajaan Johor antara Raja Kecik dan Sultan Siak.,

¹⁴ Penentangan orang China di Betawi yang berlaku pada tahun 1740. Peperangan ini terjadi kerana kezaliman serta penindasan yang dilakukan oleh kuasa Belanda terhadap orang Cina.

Muhammad Yusoff Hashim (1980), *Syair Raja Haji* oleh W. E. Maxwell (1891), *Syair Perang Cina*¹⁵ di Monterado oleh Arenawati (1989), *Syair Perang Siak* oleh Donald J. Goudie (1989), *Syair Pangeran Syarif Hashim*¹⁶ oleh Arenawati (1989), *Syair Perang Johor*¹⁷ oleh Morni Harun (1992), *Syair Perang Inggeris di Betawi*¹⁸ oleh Zubir Idris (1995), *Syair Perang Siak*¹⁹ dan *Syair Perang Mengkasar* oleh G.L Koster (1997), *Syair Perang Ruslan dan Japang*²⁰ oleh Svetlana V. Banit (1997), dan *Syair Peperangan Aceh*²¹ oleh Jelani Harun 2003 (Harun Mat Piah, 2002:321-327; Zubir Idris, 2013:16).

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang telah dilakukan pengkaji-pengkaji terdahulu, masih belum ditemui kajian khusus yang melibatkan *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* secara perbandingan. Namun begitu tidak dinafikan telah ada dalam kalangan sarjana-sarjana terdahulu melakukan kajian unsur perbandingan terhadap kedua-dua teks ini tetapi kajian yang

¹⁵ Konflik dalam peperangan ini teretus disebabkan oleh sikap migran Cina yang telah membuat onar di Kalimantan Indonesia. Migran Cina berhasrat menguasai perlombongan emas di Kalimantan Indonesia. Kerakusan migran Cina ini menyebabkan masyarakat peribumi telah bertindak dengan meminta bantuan Belanda untuk sama-sama mengusir migran Cina tersebut keluar daripada Kalimantan.

¹⁷ Peperangan tiga penjuar antara Aceh, Johor dan Portugis untuk menguasai Selat Melaka sebagai laluan perdagangan utama. Selain memperlihatkan peperangan antara bangsa Melayu, syair ini juga merakamkan kerjasama Johor dengan pihak Belanda untuk menentang Portugis dan Aceh.

¹⁸ Peperangan dalam syair ini merakamkan peperangan dua kuasa Barat iaitu Belanda dan Inggeris di Betawi (Jakarta). Syair ini juga mengisahkan pembabitan masyarakat tempatan seperti etnik Bugis, Ambon, Jawa dan Mandura yang telah diarahkan oleh Belanda untuk sama-sama membantu mereka menentang Portugis. Syair ini tidak menggambarkan perjuangan orang Melayu menentang penjajah tetapi peperangan dilakukan atas perintah Belanda yang berkuasa ketika itu.

¹⁹ *Syair Perang Siak* melibatkan pertelingkahan antara pewaris takhta kerajaa Siak. Peristiwa ini melibatkan golongan Syed daripada keturunan Raja Kecil dengan keturunan Raja Mahmud yang berada dalam pembuangan.

²⁰ *Syair Perang Rusia dan Jepun* berlaku pada 1904-1905. Syair ini merupakan syair yang berlaku di luar alam Nusantara. Syair ini cukup panjang iaitu sebanyak 2747 rangkap ditulis oleh Ahmad Beramka pada tahun 1906. Memperlihatkan Kerajaan Rusia cuba campur tangan dalam urusan pentadbiran wilayah Jepun iaitu Manchuria. Jepun juga tidak membenarkan kuasa asing memasuki kawasan dan perairan Jepun dan juga Korea (negeri jajahan Jepun). Syair ini berjaya membakar semangat seluruh dunia kerana pertama kali dalam sejarah dunia kuasa Eropah kalah di tangan kuasa Asia (Rujuk Barbara Watson Andaya, 1977:124)

²¹ *Syair Peperangan Aceh* merupakan syair perang antara rakyat Aceh menentang Belanda. Peperangan antara Aceh dan Belanda bermula apabila Menteri Rampan yang diperintahkan oleh Sultan Aceh ke Singapura membeli meriam. Menteri Rampang telah menjual negeri Aceh kepada Belanda apabila beliau kalah dalam pertarungan laga lembu. Akhirnya beliau ke Betawi agar diberi wang dan sebagai pertukaran Aceh diberikan kepada Belanda.

dilakukan oleh para sarjana terdahulu lebih menjurus perbandingan daripada aspek watak dan juga tujuan peperangan. Oleh yang demikian, kajian perbandingan yang akan dijalankan ini ternyata berbeza dengan kajian perbandingan yang terdahulu.

Kajian berbentuk analisis turut mendapat perhatian daripada para pengkaji terdahulu iaitu dengan melakukan analisis dari sudut agama dan semangat etnosentrisme dalam kedua-dua syair perang ini. Sebaliknya pengkaji tidak meletakkan elemen sejarah sebagai satu titik fokus dalam kajiannya dan secara tidak langsung memperlihatkan kelompangan dalam kajian sebelum ini.

Unsur sejarah yang terkandung dalam karya-karya sastera silam bukanlah sesuatu perkara baharu. Hal ini kerana sastera dan sejarah saling memerlukan; pengarang sastera memerlukan unsur sejarah untuk dijadikan sebagai ilham dalam penceritaannya manakala pengkaji sejarah memerlukan naratif untuk menyampaikan laporannya. Dalam konteks ini kisah peperangan bukanlah sekadar nukilan dogeng atau imaginasi pengarang semata-mata, sebaliknya turut mengandungi unsur-unsur sejarah yang sebenarnya. Pengarang silam telah menjadikan peristiwa sejarah, iaitu latar peperangan sebagai tema utama dalam penulisannya. Hal ini membuktikan wujudnya pertautan erat antara disiplin sastera dan sejarah, namun tidak dinafikan masih terdapat aspek pensenjarahan yang longgar dalam penulisan sastera sejarah. Sehubungan itu, penelitian daripada sudut ini juga menimbulkan pertanyaan tentang sejauh manakah *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* mempunyai hubung kait dengan sejarah hubungan diplomatik negara Palembang dan Kedah dengan kuasa asing? Pada sudut ini sejauh manakah isi kandungan seperti peristiwa, lokasi, watak dan unsur-unsur peperangan yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* dapat diketengahkan sebagai sumber sejarah?

Menurut kajian Zubir Idris (2013:31), penghasilan syair-syair perang tidak bertujuan mengagung-agungkan kedudukan raja atau condong kepada *centris istana*. Pandangan yang diutarakan oleh Zubir Idris telah membuka ruang kajian yang lebih mendalam dalam aspek ini. Diakui wujudnya perbezaan penulisan syair perang berbanding prosa-prosa hikayat Melayu yang selama ini menjurus kepada *centris istana* seperti mitos asal usul raja-raja, keelokan para putera dan puteri serta keindahan istana. Walaupun sudah tiada lagi unsur-unsur pemujaan secara berlebihan kepada golongan atasan, syair perang masih lagi mempertahankan *centris istana* dengan mengangkat kehebatan raja-raja Melayu melalui garapan penceritaan yang terkandung dalam syair tersebut. Lantaran itu, sejauh manakah pengarang *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* mengekalkan *centris istana* dengan mengangkat kedudukan Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Maulana sebagai pemimpin hebat dan berkaliber orang Melayu Palembang dan Kedah?

Runtuhnya kerajaan agung Melaka pada tahun 1511, telah memberi kejutan kepada orang Melayu silam yang selama ini sangat berpegang kuat kepada kepercayaan daulat seorang raja. Runtuhnya empayar agung ini menyebabkan kepercayaan terhadap konsep daulat yang dimiliki oleh raja mula terhakis. Oleh itu, karya-karya sastera sejarah bertindak sebagai benteng pertahanan untuk menaikkan kembali kedudukan raja-raja serta kehebatan orang Melayu. Noriah Taslim (2001), menyatakan penciptaan karya-karya sastera sejarah bertujuan mengembalikan kegemilangan yang pudar kepada tempatnya. Kegemilangan yang dimaksudkan oleh beliau adalah kegemilangan empayar Melayu Nusantara yang pernah diterajui oleh raja-raja yang hebat. Di samping itu, Noriah Taslim menambah lagi bahawa orang-orang Melayu tradisional telah mencapai ketamadunan yang tinggi dalam kehidupan mereka seperti dalam aktiviti ekonomi, politik, sosial dan lain-lain. Kemajuan yang dicapai ini termasuk daripada

aspek ketenteraan masyarakat silam. Hal ini membuktikan orang-orang Melayu sudah mempunyai strategi dan cara peperangan tersendiri. Menurut Barbara Watson Andaya (1983: 12), setiap masyarakat di dunia mempunyai cara atau strategi peperangan tersendiri dan berlainan antara satu sama lain untuk menonjolkan kehebatan bangsa masing-masing.

Dalam perspektif ini, teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* seharusnya dikaji bagi memperlihatkan perbezaan strategi peperangan yang terdapat dalam kedua-dua teks ini. Melalui perbezaan ini dapat memperlihatkan keunikan strategi peperangan orang-orang Melayu silam. Hal ini, secara tidak langsung menolak dakwaan sarjana Barat bahawa orang Melayu silam adalah mundur dan tidak mempunyai sistem kehidupan yang bersistematik.

Mieke Bal²² (2017:13) dalam bukunya *Narratology: Introduction To The Theory of Narrative*²³ menyatakan ideologi merupakan perkara utama yang harus dibincangkan dalam teori naratif. Ideologi atau pemikiran pengarang merupakan matlamat utama setiap pengarang. Pemilihan teori strategi naratif oleh Mieke Bal²⁴ berbanding teori naratif oleh sarjana-sarjana lain seperti Stanzel (1987) dan Fisher Walter (1985). Stanzel (1897:10-15) menjelaskan peranan watak adalah cukup penting dalam membina sesebuah naratif dan beliau tidak membincangkan aspek ideologi dalam penulisan beliau. Manakala Fisher Walter (1985: 2-7) mementingkan unsur bahasa atau komunikasi dalam teori naratif. Ternyata kedua-dua ahli teori ini tidak

²² Nama sebenar beliau Maria Gertrudis dan Mieke Bal merupakan nama penanya dalam penulisan akademik. Dilahirkan pada 14 Mac 1946 di Heemstede Netherlands. Beliau merupakan seorang pakar teori di negara Belanda dalam bidang budaya dan kesusasteraan. Beliau pernah berkhidmat di Universiti Utrecht (1987-1991), menjadi pensyarah pelawat di Universiti of Rochester (1991-1996). Pensyarah dalam bidang teori kesusasteraan di Universiti Amsterdam (1991–2011). Pada 2005 beliau menerima anugerah Professor Diraja daripada Royal Netherlands Academy of Arts and Sciences. Teori Narratologi dikembangkan daripada konsep teori struktur. (https://en.wikipedia.org/wiki/Mieke_Bal).

²³ Teori strategi naratif akan dibincangkan dalam bab kedua kajian ini.

membincangkan peranan ideologi seperti Mieke Bal. Walau pun, kajian ini berpaksikan kepada teori naratif oleh Mieke Bal, kelompangan terhadap teori ini masih ada kerana Mieke Bal tidak mengaitkan faktor agama sebagai salah satu ideologi yang menyebabkan teretusnya penghasilan karya-karya sastera. Berdasarkan kepada penelitian, faktor agama juga merupakan salah satu pemangkin yang menjadi teras naratif dalam kedua-dua teks ini. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan membuktikan bahawa faktor agama merupakan salah satu elemen penting yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*.

Walaupun teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* dihasilkan oleh pengarang yang berbeza dan berlainan negara, masih ada persamaannya. Persamaan tersebut ialah teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* dikarang untuk dipersembahkan kepada raja mereka iaitu Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Maulana. Teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* merakamkan fenomena peperangan di alam Nusantara pada abad ke-18 dengan kehadiran kuasa-kuasa asing iaitu Barat ke alam Melayu. Selain itu teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* mencerminkan keadaan politik di rantau Nusantara pada abad-18. Melalui persamaan latar masa dan peristiwa dalam teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* pengkaji dapat mengkaji dan membandingkan kedua-dua syair ini yang mencerminkan keadaan politik di rantau Nusantara pada ketika itu.

Kajian perbandingan antara watak Sultan Mahmud Badaruddin II dalam *Syair Perang Menteng* dan Sultan Maulana dalam *Syair Sultan Maulana* juga masih kurang mendapat perhatian dalam penulisan para sarjana terdahulu. Kajian berkaitan watak kedua-dua sultan ini harus diberi perhatian sewajarnya kerana kebijaksanaan mereka masalah yang dihadapi dapat diselesaikan. Melalui perbandingan watak kedua-dua pemerintah ini akan memperlihatkan kelainan kaedah yang digunaka oleh mereka

dalam menyelesaikan konflik. Tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu mengekalkan keamanan dan keselamatan rakyat dan negara.

Kajian ini turut membataskan skop dan perbincangan terhadap elemen sejarah yang terkandung dalam teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*. Kajian ke atas teks *Syair Perang Menteng* melibatkan tiga siri peperangan sahaja seperti yang terkandung dalam teks *Syair Perang Menteng*. Manakala perbincangan terhadap *Syair Sultan Maulana* disasarkan kepada episod peperangan di Pulau Salang sahaja. Hal ini kerana peristiwa perang di Pulau Salang lebih mendominasi berbanding pemberontakan Patani. Akan tetapi episod pemberontakan Patani juga tidak dipinggirkan kerana pemberontakan Patani memperlihatkan tekanan Siam ke atas politik Kedah yang dapat dikaitkan dengan peristiwa sejarah perhubungan antara Siam dan Kedah.

Pemberontakan Patani tidak begitu mendominasi kerana berlaku dalam masa singkat berbanding peperangan di Pulau Salang. Selain itu, garapan pengarang tentang persediaan menghadapi pemberontakan Patani tidak serinci peperangan di Pulau Salang yang melibatkan strategi peperangan dan juga kelengkapan peperangan yang sempurna. Seterusnya pemilihan kedua-dua syair perang ini selain wujudnya persamaan, terdapat juga perbezaan daripada aspek gaya kepengarangan. Pengarang *Syair Perang Menteng* lebih banyak menggunakan bahasa makian dan kesat yang hampir mendominasi teks. Bahasa seperti ini sukar untuk ditemui dalam *Syair Sultan Maulana*.

Di samping itu juga, *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* telah berjaya meruntuhkan teori strategi peperangan yang diperkenalkan oleh Sun-Tzu dalam bukunya *Art of War* (2002) iaitu seorang pakar analisis peperangan negara China yang cukup terkenal dalam zaman klasik. Sebanyak 13 strategi peperangan yang diterapkan oleh Sun-Tzu dalam penulisannya. Namun beliau tidak menyatakan faktor agama, maruah dan taat setia merupakan salah satu strategi masyarakat di dunia berperang. Hal

ini berdasarkan pembacaan ke atas karya-karya klasik sama berbentuk tempatan atau luar faktor agama dan maruah merupakan pemangkin utama masyarakat di dunia berperang.

Perbezaan yang cukup ketara di antara *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* ialah penglibatan Sultan Mahmud Badaruddin II secara langsung dalam peperangan tersebut dan bertindak sebagai panglima perang dengan merangka strategi peperangan yang tersendiri termasuk dalam pemilihan-pemilihan tentera serta hulubalang untuk berperang. Selain itu, keistimewaan *Syair Perang Menteng* adalah penglibatan golongan haji dalam peperangan ini dan menguatkan lagi peperangan di Palembang bersendikan agama Islam.

Di samping itu juga pengarang turut menerapkan tentang keperibadian Sultan Mahmud Badaruddin II ketika berperang yang secara jelas sangat beretika dan beradab serta memenuhi konsep peperangan yang telah digariskan oleh Nabi Muhammad yang agak sukar ditemu dalam penulisan berbentuk sejarah. Keunikan *Syair Perang Menteng* seterusnya adanya pengaruh daripada amalan tarekat Sammaniyah yang cukup berkembang di Palembang ketika itu dan Sultan Mahmud Badaruddin II merupakan salah seorang pengamal dan penaung kepada tarekat tersebut yang berpusat di Mekah. Pengaruh amalan tarekat ini tidak terdapat dalam garapan *Syair Sultan Maulana* dan juga syair-syair perang lain dan menjadikan *Syair Perang Menteng* cukup unik dan menarik untuk dikaji.

Perbezaan *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* adanya unsur-unsur kejutan atau dramatik serta melankolik serta mainan emosi yang pelbagai berbanding *Syair Perang Menteng* terutamanya melalui teknik dialog di antara Sultan Maulana dengan Wazir. Kejutan dalam *Syair Sultan Maulana* adalah kekalahan pihak Salang kepada kekuasaan Burma memberi satu kejutan kepada pembaca untuk

mengetahui kisah seterusnya. Kejutan sebegini agak sukar ditemui dalam teks-teks syair perang lain termasuk *Syair Perang Menteng*. Perbezaan seterusnya teks *Syair Sultan Maulana* berbanding teks-teks syair perang lain ialah penglibatan tentera Kedah membantu kuasa Siam menentang kuasa Burma adalah disebabkan status ‘negeri naungan’ bukan kerana Kedah bermusuhan dengan Burma. Sedangkan peperangan yang dihadapi oleh Palembang dan kerajaan Melayu Nusantara lain dengan kuasa asing kerana konflik pemusuhan di antara satu sama lain.

Kedua-dua syair perang ini berjaya menamatkan naratifnya dengan kejayaan berpihak kepada mereka. Berbeza dengan syair perang lain seperti *Syair Perang Aceh*, *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Perang Rokam*, *Syair Perang Siak* semuanya berakhir dengan kekalahan. Sehingga ada raja-raja Melayu ini terpaksa melepaskan takhta, dipaksa membuat hubungan perdamaian dengan kuasa asing atau membayar ganti rugi kepada pihak yang menang.

Berdasarkan pengkisahan yang terdapat dalam *Syair Sultan Maulana*, memperlihatkan liku-liku yang harus dihadapi oleh Sultan Maulana untuk mempertahankan kedudukan dan keamanan negeri Kedah. Walaupun, Kedah pernah djajah oleh kuasa Siam selama 21 tahun, namun institusi kesultanan Kedah masih mampu bertahan sehingga kini. Jika hendak dibandingkan dengan kerajaan Melayu Nusantara lain yang telah berakhir nasib mereka akibat peperangan dan penjajahan seperti yang di alami oleh kesultanan Melaka, Pasai. Aceh dan Patani.

Walaupun Sultan Mahmud Badaruddin II juga telah berjaya mengalahkan Belanda, kesultanan Palembang hanya menjadi sejarah sahaja untuk diingati kerana serangan keempat oleh pihak Belanda terhadap Palembang telah berjaya menewaskan tentera Palembang, dan Sultan Mahmud Badaruddin II telah diturunkan dari takhta serta diasingkan ke Ternate. Dua tahun selepas insiden peperangan ini kesultanan Palembang

telah dihapuskan. Negara Indonesia telah menjadi sebuah negara republik. Peperangan bukan sahaja menyebabkan jumlah kehilangan nyawa yang ramai tetapi juga menyebabkan keruntuhan peradaban yang dibina oleh bangsa tersebut selama berkurun dan peradaban yang dibina ini hancur dengan begitu sahaja akibat daripada peperangan yang tidak dapat dielakkan.

1.5 Objektif Kajian

1. Membincangkan unsur sejarah sebagai strategi naratif dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*. Melalui objektif ini, elemen watak, latar masa, tempat, peristiwa dan juga peralatan peperangan akan diberi tumpuan. Melalui objektif ini juga khalayak dapat mengetahui setiap peristiwa dan episod yang berlaku hingga menyebabkan tercetusnya peperangan. Setiap perincian peristiwa yang mencetuskan insiden peperangan ini tidak terdapat dalam laporan atau penulisan berbentuk fakta sejarah tetapi hanya dapat dinikmati dalam hasil-hasil kesusasteraan sahaja.
2. Menganalisis ideologi pengarang berdasarkan teori strategi naratif dalam usaha mengangkat kehebatan raja Melayu dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*. Melalui objektif ini pengkaji akan menonjolkan kewibawaan dan peranan Sultan Mahmud Badaruddin II dan Sultan Maulana dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
3. Dalam objektif kajian ini pengkaji turut membandingkan strategi peperangan yang telah digunakan oleh orang Melayu Kedah dan Pelambang ketika berperang. Melalui kelainan strategi peperangan ini dapat menonjolkan ketinggian ketamadunan masyarakat Melayu Nusantara dalam merancang urusan peperangan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada teks *Syair Perang Menteng* yang telah ditransliterasikan oleh M.O. Woelders 1975 dan *Syair Sultan Maulana* oleh Muhammad Yusoff Hasshim 1980. Di samping itu juga, kajian ini turut membataskan kepada teori naratif berdasarkan buku *Narratology Introduction to the Theory of Narrative* oleh Mieke Bal 2017. Melalui teori ini, lima elemen akan diberikan perhatian utama dalam perbincangan iaitu watak, tema, latar (masa, tempat dan peristiwa), ideologi, teks dan pengarang kerana elemen-elemen ini merupakan dasar utama yang terdapat dalam teks. Hal ini demikian kerana, tanpa elemen-elemen ini sebuah teks atau naratif tidak dapat dihasilkan kerana teks tidak dapat berdiri dengan sendiri.

Selain itu, kajian ini turut di bataskan kepada pendekatan kesusasteraan bandingan berdasarkan buku *Comparative Literature* oleh Susan Basnett 1993. Melalui pendekatan bandingan tiga aspek yang di berikan tumpuan ialah tematik, genetik dan generik. Sungguh pun, Susan Basnett merupakan pemikir teori dari aliran Amerika namun kajian ini juga diselit bersama dengan aliran Perancis kerana konsep generik dan genetik merupakan salah satu cabang daripada pemikiran aliran Perancis yang mengaitkan dengan fenomena sejarah. Namun konsep aliran Amerika masih lagi menjadi landasan utama dalam perbincangan kajian ini.

Seterusnya, kajian ini juga membataskan kepada watak Sultan Mahmud Badaruddin II dalam *Syair Perang Menteng*, manakala Sultan Maulana dalam *Syair Sultan Maulana*. Analisis dibataskan kepada keperibadian dan kewibawaan kedua-dua sultan ini dalam usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi. Hasil daripada analisis terhadap kedua-dua watak sultan akan menyerlahkan perbezaan tindakan yang di ambil oleh kedua-dua sultan tersebut dalam menyelesaikan konflik yang dihadapi.

Latar masa, tempat serta peristiwa hanya di hadkan seperti yang terdapat dalam teks kajian iaitu di Palembang dalam *Syair Perang Menteng* dan Pulau Salang dalam *Syair Sultan Maulana*. Persitiwa di Patani juga penting untuk dianalisis dalam kajian, namun tumpuan utama kajian ini adalah lebih menjurus peristiwa di Pulau Salang kerana episod peperangan yang melibatkan aspek ketenteaan begitu mendominasi teks. Latar sejarah seperti peristiwa dan masa di bataskan kepada abad ke-16 sehingga abad ke-18 sahaja kerana abad-abad ini menyaksikan kehadiran kuasa-kuasa asing ke alam Nusantara untuk mencari tanah jajahan. Melalui kehadiran kuasa-kuasa asing ini telah mencetuskan gerakan-gerakan penentangan anak-anak watan kepada kuasa luar. Gerakan-gerakan ini menyaksikan reaksi-reaksi kebencian dalam diri orang Melayu Nusantara.

Bahan-bahan berhubung kait dengan sejarah perang di Palembang serta perhubungan politik antara Kedah dan Siam akan dirujuk sebagai bahan sokongan dalam kajian ini. *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sutan Maulana* akan di analisis dari sudut intrinsik dan ekstrinsik untuk menilai beberapa aspek yang memperlihatkan hubung kaitnya dengan sejarah sebenar Palembang dan Kedah.

Kaedah ini bertujuan memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* sebagai salah sebuah karya yang seangkatan dengan zamannya. Sebagai karya terpilih dalam kajian ini, setakat ini tiada sebarang bukti menyatakan *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* muncul dalam bentuk tradisi lisan. Hal ini telah membuktikan kedua-dua syair perang ini tidak tergolong dalam genre lipur lara seperti mana cerita-cerita rakyat yang dipertuturkan oleh Penglipur Lara Melayu yang lahir dalam tradisi lisan, dirakam dan dibukukan. Sebaliknya kedua syair perang ini merupakan rakaman sebenar sejarah yang telah di tulis oleh pengarang-pengarang istana silam sebagai dokumen penting untuk di

rujuk. Secara jelasnya, sumber penyelidikan ini terhad kepada kajian *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* dengan dibantu rujukan-rujukan ilmiah lain.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengandungi beberapa kepentingan, antaranya adalah untuk mengetengahkan teks *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* sebagai satu dokumen sejarah berkaitan hubungan politik di antara Palembang dan Belanda serta hubungan politik Kedah dan Siam. Hal ini bersesuaian dengan fungsi sastera sejarah sebagai dokumen yang dapat menerangkan tentang sesuatu peristiwa yang penting terutama fenomena peperangan. Selain itu juga teks-teks syair perang turut menjadi salah satu sumber sejarah masyarakat silam untuk menceritakan semula perjuangan yang dihadapi mereka pada zaman tersebut. Memetik kata-kata ulung dari Muhammad Haji Salleh (2006:268) beliau menyatakan bahawa:

Malay literature especially the traditional, was very close to its society. It deal with its real problem.

Pernyataan Muhammad ini mengukuhkan lagi bahawa sastera tradisional merupakan pantulan ataupun cerminan kehidupan masyarakat silam yang sangat akrab dengan persekitarannya yang juga membentangkan kejadian yang benar terjadi ketika itu. Memandangkan karya sastera sejarah dikatakan mempunyai gabungan antara nilai sastera serta nilai sejarah masyarakat silam, maka garapan ini turut membuktikan tentang permasalahan yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Perspektif inilah yang menegaskan bahawa sastera bukanlah lahir daripada kekosongan tetapi lahir daripada kebijaksanaan pengarangnya yang menimba pengalaman daripada persekitarannya. Oleh itu teks sastera sering dianggap sebagai dokumen budaya masyarakat silam yang menjadi pusat rujukan terhadap tata cara hidup masyarakat tradisi. Secara tidak

langsung hal ini, menepis dakwaan mengatakan sastera hanyalah bertujuan untuk hiburan sahaja tetapi karya sastera turut mempunyai nilai ketamadunan yang tinggi.

Paparan naratif yang terdapat dalam kedua-dua syair ini termasuk syair perang yang lain adalah bertujuan untuk membasuh kembali maruah orang Melayu yang selama ini dipandang rendah oleh bangsa lain kerana kekalahan yang dialami oleh mereka ketika berperang dengan kuasa luar. Hal ini secara jelas selepas kekalahan yang dialami oleh anak-anak watan ketika berperang dengan kuasa asing menyebabkan maruah raja-raja Melayu telah tercalar serta harus tunduk kepada kuasa asing; sekaligus melenyapkan status daulat yang dipercayai oleh masyarakat silam mengelilingi raja-raja Melayu. Apabila hal ini berlaku maka status daulat yang dimiliki oleh raja-raja Melayu telah hilang dan kerana inilah tujuan kepengarangan dalam masyarakat silam diperlukan.

Pengarang *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* berhasrat mengembalikan semula kegemilangan yang hilang dan pudar kepada tempatnya agar kegemilangan yang hilang dapat memberi suntikan baharu dalam jiwa orang Melayu bahawa masyarakat Melayu silam bukanlah bangsa lemah dan menyerah begitu sahaja. Tamadun Kedah tua merupakan saksi penting yang merakam kehebatan tamadun Melayu bermula dan kekal sehingga kini. Buktinya dapat disaksikan dengan penerusan kesultanan Kedah yang berdaulat sehingga kini. Walaupun kuasa asing sering mengancam kedaulatan Kedah seperti Siam, Burma dan Inggeris tetapi Kedah masih lagi mampu mengekalkan institusi Kesultanan Kedah di Malaysia dan menjadi institusi tertua di alam Nusantara. Pengekalan ini bukanlah perjuangan yang mudah tetapi penuh dengan pengorbanan dan kebijaksanaan tanpa kehebatan seorang pemimpin adalah sukar untuk memastikan sistem beraja ini terus kekal sehingga kini.